

Kes Muhyiddin dipindahkan ke Mahkamah Tinggi

UTUSAN MALAYSIA 17 JUN 2025 m/s 10

KUALA LUMPUR: Tujuh kes menggunakan kedudukan untuk suapan sebanyak RM232.5 juta dan tiga perubahan wang haram (AMLA) yang dihadapi Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin akan didengar di Mahkamah Tinggi.

Ia selepas Hakim, Datuk Muhammad Jamil Hussin membenarkan permohonan untuk memindahkan kes berkenaan yang kini berada di Mahkamah Sesyen.

“Pemohon (Muhyiddin) telah memenuhi ambang (*threshold*) bagi (membolehkan) kesnya dipindah dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

“Pemohon telah memenuhi keperluan di bawah Seksyen 417(1)(b) Kanun Tatacara Jenayah. Tiga persoalan undang-undang yang akan berbangkit merupakan persoalan undang-undang yang luar biasa sukarnya.

“Walaupun saya mempunyai keyakinan penuh bahawa Hakim



MUHYIDDIN Yassin hadir ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam bagi memohon kes menggunakan kedudukan untuk suapan dan perubahan wang haram yang dihadapinya dipindahkan ke Mahkamah Tinggi. - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI

Mahkamah Sesyen mempunyai pengetahuan dan kepakaran untuk mengendalikan dalam kes ini (namun) adalah lebih wajar bagi

tiga persoalan undang-undang ditentukan oleh Mahkamah Tinggi,” kata hakim itu semalam.

Hakim Muhammad Jamil ke-

mudian menetapkan 14 Julai ini untuk pengurusan kes berkenaan.

Bagaimanapun sama ada kes itu akan didengar oleh hakim yang sama atau hakim berlainan akan ditentukan kelak.

Tiga persoalan yang akan berbangkit berkait dengan kebolehgunaan anggapan (*presumption*), maksud ‘suapan’ dan ‘derma politik’ serta maksud ‘pertubuhan’.

Pada prosiding semalam, Muhyiddin diwakili peguam bela, Datuk Hisyam Teh Poh Teik manakala pihak pendakwaan dikendalikan oleh Ketua Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keempat, Ahli Parlimen Pagoh itu didakwa sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Bersatu telah menggunakan kedudukan untuk suapan wang berjumlah RM232.5 juta

daripada seorang individu iaitu Azman Yusoff, 51 dan tiga syarikat antaranya Nepturis Sdn. Bhd. serta Mamfor Sdn. Bhd. bagi sekutu parti itu.

Bagi pertuduhan kelima hingga tujuh, Muhyiddin selaku Presiden parti itu didakwa menerima hasil daripada aktiviti haram iaitu wang berjumlah RM195 juta daripada Bukhary Equity, yang dimasukkan ke akaun CIMB Bank milik Bersatu.

Pada 15 Ogos 2023, Hakim Muhammad Jamil melepaskan dan membebaskan Muhyiddin daripada empat tuduhan menggunakan kedudukan untuk suapan atas alasan kesemua pertuduhan itu kabur dan tidak berasas kerana ia tidak menyatakan butiran kesalahan yang dilakukan.

Bagaimanapun, pada 28 Februari 2024, Mahkamah Rayuan di Putrajaya mengarahkan empat kes itu dikembalikan ke Mahkamah Sesyen untuk tindakan lanjut.